



Aktiviti Yang Telah Diadakan Pada Jun 2020

Tahukah Anda?

Perkhidmatan Baharu Portal MyGovernment

- 1 Permohonan Cabutan/ Salinan Sijil Kelahiran Yang Diperakui Dalam Talian
- 2 Permohonan Pendaftaran Kelahiran Dalam Talian
- 3 Permohonan Kad Pengenalan Kanak-Kanak 12 Tahun
- 4 Permohonan Cabutan Daftar Kad Pengenalan JPN.KP12
- 5 Permohonan Perkahwinan Tanpa Lesen Secara Dalam Talian (Bukan Islam)

Kelima-lima perkhidmatan digital ini boleh diakses di Portal MyGovernment melalui Log Masuk Tunggal (Single Sign On)

Tunggu apa lagi, daftar sekarang di www.malaysia.gov.my

Perbincangan Pembangunan Perkhidmatan MyDestinasi Melalui Portal MyGovernment bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)

1

3 Jun 2020

Membincangkan keperluan pengguna, arkitektur dan reka bentuk integrasi pembangunan perkhidmatan MyDestinasi bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bagi lokasi-lokasi balai bomba di Malaysia.

Agensi terlibat:

- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)

Perbincangan Pembangunan Integrasi Perkhidmatan MyDashboard Di Portal MyGovernment bersama Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)

2

9 Jun 2020

Membincangkan keperluan pengguna, arkitektur dan reka bentuk integrasi pembangunan perkhidmatan MyDashboard bersama Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Malaysia bagi memusatkan maklumat No. Cukai Pendapatan, No. Majikan, Cawangan, Lejar Lebihan Cukai (Kredit dan Debit), Semakan Status Penghantaran Borang Cukai dan Status Pembayaran Cukai di MyDashboard, Portal MyGovernment.

Agensi terlibat:

- Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Malaysia

Sesi Perbincangan Pembangunan Integrasi Perkhidmatan MyDashboard Di Portal MyGovernment bersama Perbadanan Putrajaya (PPJ)

3

11 Jun 2020

Membincangkan keperluan pengguna, arkitektur dan reka bentuk integrasi pembangunan perkhidmatan MyDashboard bersama Perbadanan Putrajaya (PPJ) bagi memusatkan maklumat No. Akaun, No. Hakmilik, Presint/Mukim/Lot, Alamat Harta, Alamat Surat Menyurat, Tunggakan, Cukai Taksiran Semasa, Jumlah Bil dan Tarikh Akhir Pembayaran di MyDashboard, Portal MyGovernment.

Agensi terlibat:

- Perbadanan Putrajaya (PPJ)